

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 14 FEBRUARI 2018 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cecair disyaki syabu RM1.7j dirampas	Utusan Online
2.	Polis Muar rampas syabu RM1.7 juta	SINARHARIAN.COM.MY
3.	Punca kematian menantu TPM tindak balas alahan serius	SINARHARIAN.COM.MY
4.	Polis rampas cecair syabu RM1.7 juta disorok dalam baldi	Kosmo



## Cecair disyaki syabu RM1.7j dirampas



ZAHARUDIN RASIP (tengah) menunjukkan dua baldi berisi cecair disyaki syabu yang dirampas semalam pada sidang akhbar di IPD Muar, Muar, Johor, sebentar tadi. - UTUSAN ONLINE

MUAR 13 Feb. - Polis daerah ini berjaya menumpaskan kegiatan pengedaran dadah setelah merampas 25.5 kilogram cecair dipercayai syabu dalam rampasan di Bakri, Muar, semalam.

Dalam serbuan pukul 1 petang itu, ujian terhadap cecair yang disorok dalam dua buah baldi di sebuah rumah menunjukkan bahan itu positif dadah.

Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Zaharudin Rasip berkata, dadah tersebut dianggarkan bernilai lebih RM1.7 juta berdasarkan harga pasaran yang mencecah RM70,000 sekilogram ketika ini.

"Tiga lelaki berusia antara 35 hingga 43 tahun turut dicekup dalam serbuan itu, dua daripadanya memiliki rekod lampau atas kesalahan dadah manakala seorang lagi suspek bebas dari sebarang rekod.

Polis masih menyiasat dengan lebih lanjut termasuk apa yang akan dilakukan dengan cecair berkenaan termasuk menghantarnya ke Jabatan Kimia, katanya dalam satu sidang akhbar, sebentar tadi.

Zaharudin berkata, polis turut menemukan 0.86 gram heroin, 77.17 gram syabu dan 16 biji pil Eramin 5 yang menjadikan jumlah keseluruhan dadah tersebut mencecah RM1.79 juta. - UTUSAN ONLINE

**BERITA ONLINE  
SINARHARIAN.COM.MY  
TARIKH: 14 FEBRUARI 2018 (RABU)**



## **Polis Muar rampas syabu RM1.7 juta**



Zaharudin (tengah) menunjukkan dua buah baldi yang digunakan untuk menyimpan cecair dipercayai jenis syabu.

MUAR - Syabu seberat 25.5 kilogram bernilai hampir RM1.7 juta antara dadah yang berjaya dirampas Polis Muar dalam serbuan di sebuah kediaman di Bakri, di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Asisten Komisioner Zaharudin Rasip berkata, dalam serbuan sekitar jam 1 petang itu, tiga lelaki tempatan berusia antara sehingga 35 hingga 45 tahun ditahan.

Menurutnya, dalam serbuan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar menemui cecair seberat 25.5 kg, disyaki dadah jenis syabu yang disimpan dalam dua baldi dalam sebuah bilik kediaman berkenaan.



Zaharudin (tengah) menunjukkan kenderaan mewah yang dirampas dalam serbuan di sebuah kediaman di Bakri.

"Pihak BSJN membuat serbuan di sebuah rumah di Bakri dan menahan tiga lelaki berusia 35 hingga 43 tahun. Hasil pemeriksaan kediaman, pihak narkotik menemui sejumlah dadah jenis heroin seberat 77.17 gram dan eramin 5 sebanyak 16 biji termasuk cecair disyaki syabu dalam dua buah baldi seberat 25.5 kilogram yang mana berharga RM70,000 sekilogram menjadikan jumlah keseluruhan rampasan dadah itu mencecah RM1.79.

"Selain dadah, polis turut merampas sebuah kereta jenis BMW yang bernilai RM80,000 dan wang tunai RM250," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Zaharudin, ujian saringan air kencing terhadap ketiga-tiga suspek turut positif methamphetamine dan kesemua mereka kini direman sehingga 19 Februari ini untuk siasatan lanjut dibawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Beliau berkata, dua daripada suspek terbabit memiliki rekod jenayah lampau membabitkan kesalahan dadah, manakala seorang lagi suspek tiada sebarang rekod.

"Polis juga masih menyiasat dengan lebih lanjut kes ini termasuk apa yang akan dilakukan dengan cecair berkenaan selain menghantarnya ke **Jabatan Kimia**," katanya.



## Punca kematian menantu TPM tindak balas alahan serius



KUALA LUMPUR - Mahkamah Sesyen di sini hari ini diberitahu bahawa punca kematian menantu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Syed Alman Zain Syed Alwi ketika menerima rawatan di Pusat Pergigian Imperial pada 1 Jun 2016 adalah disebabkan 'anaphylaxis' iaitu tindak balas alahan yang serius.

Pegawai Penyiasat daripada Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) Putrajaya, Dr Siti Khadijah Hawari, 37, berkata Syed Alman Zain mengalami 'anaphylaxis' berikutan diberi ubat penenang untuk prosedur rawatan pergigian.

"Tempoh masa antara pengambilan makanan dan prosedur pergigian telah mengetepikan kemungkinan tidak balas itu disebabkan alahan terhadap makanan yang diambil mangsa, selain itu laporan daripada **Jabatan Kimia** juga tidak merujuk kepada sebarang alahan makanan," katanya ketika membacakan laporan bedah siasat terhadap Syed Alman Zain pada perbicaraan kes Pusat Pergigian Imperial yang didakwa berhubung kematian lelaki itu.

Doktor itu yang merupakan saksi pendakwaan terakhir berkata demikian ketika disoal balas oleh peguam P. Sreekant berhubung punca kematian Syed Alman Zain dan alasan terhadap tindak balas alahan yang serius itu.

Semasa pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Jaizah Jaafar Sidek berhubung tangki gas oksigen di premis berkenaan Dr Siti Khadijah menjelaskan bahawa semasa siasatan awal memang tidak terdapat tangki gas oksigen tersebut di premis itu.

"Menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di bilik Melbourne (bilik rawatan yang digunakan ketika Syed Alman Zain menerima rawatan), tidak nampak kehadiran tangki oksigen ketika insiden berkenaan berlaku," katanya dan menambah berdasarkan dokumen sewaan yang diteliti ketika siasatan menunjukkan tangki gas oksigen itu disewa bermula 2 Jun 2016, iaitu sehari selepas kejadian yang menimpa Syed Alman Zain.

Selepas saksi itu selesai memberi keterangan, pihak pendakwaan menutup kes pendakwaan setelah memanggil 13 saksi pada perbicaraan yang bermula Februari 2017 dan Hakim Harmi Thamri Mohamad @ Shaharuddin menetapkan 15 dan 23 Mac untuk mendengar hujahan manakala 28 Mac ditetapkan bagi keputusan di akhir kes pendakwaan.

Pada 12 Ogos 2016, pusat pergigian itu yang diwakili Pengarah Syarikatnya Dr Wong Yen Ling mengaku tidak bersalah atas sembilan pertuduhan berhubung kematian Syed Alman Zain.

Antara pertuduhan itu ialah beliau selaku orang saman (OKS), didakwa sebagai pemegang lesen, didapati gagal memastikan Dr Ting Teck Chin iaitu orang yang memberi perkhidmatan anestesia terhadap Syed Alman Zain, mempunyai kelayakan anestesiologi.

Klinik itu didakwa sebagai pemegang lesen telah gagal memastikan individu yang berkhidmat untuk menjalankan prosedur radiologi (orthopantomogram) dan perkhidmatan anestesia secara 'IV Sedation' ke atas Syed Alman Zain mempunyai kelayakan berbuat demikian.

Dakwaan lain terhadap premis tersebut ialah gagal menyediakan langkah-langkah perlu bagi menyelamatkan nyawa pesakit dengan tidak menyediakan oksigen sebagai perkhidmatan jagaan kecemasan asas serta gagal mengemukakan kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) satu salinan semua rekod perubatan Syed Alman Zain semasa dia dipindahkan ke sana.

Klinik berkenaan turut didakwa gagal menyimpan dan menyenggara suatu daftar kakitangan, memastikan kehendak pelabelan ubat dipatuhi serta tidak mengambil langkah yang cukup untuk melindungi semua kakitangan profesional jagaan kesihatan dan persekitaran terhadap bahaya biologikal.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di klinik yang terletak di Jalan Telawi, Bangsar Baru, Brickfields, di sini, antara pukul 6 petang dan 9.05 malam, antara 26 Mei dan 2 Jun 2016.

Tujuh pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 31(4), 39(2), 40(4) dan 117(2)(b)(i) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 yang memperuntukkan hukuman denda antara RM30,000 dan RM300,000, jika sabit kesalahan.

Dua lagi pertuduhan dikemukakan mengikut Peraturan 49(7) dan 245(6) Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Lain) 2006 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM10,000 atau penjara tiga bulan atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan. – Bernama.

## KERATAN AKHBAR KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 10 TARIKH : 14 FEBRUARI 2018 (RABU)

### Polis rampas cecair syabu RM1.7 juta disorok dalam baldi

MUAR - Polis merampas sejumlah cecair dipercaya dadah jenis syabu bernilai RM1.7 juta dan menahan tiga lelaki selepas menyerbu sebuah rumah di Bakri di sini kemarin.

Dalam serbuan pukul 1 petang, cecair tersebut ditemui disorokkan di dalam dua bush baldi manakala kesemua suspek lelaki yang berkas di dalam rumah itu berusia antara 35 hingga 43 tahun.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Zaharudin Rasip berkata, pihaknya turut menemui 0.86 gram (g) heroin, 77.17g syabu dan 16 biji pil Eramin

yang menjadikan jumlah keseluruhan rampasan dadah terabit mencecah RM1.79 juta.

"Hasil ujian awal pengesanahan dadah terhadap cecair seberat 25.5 kilogram yang dirampas itu menunjukkan tanda positif bahan terlarang tersebut.

"Selain dadah, polis turut merampas sebuah kereta jenis BMW yang bernilai RM80,000 dan wang tunai RM250," katanya pada sidang akbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar di sini semalam.

Menurut Zaharudin, ujian sa-

tiga-tiga suspek mendapat mereka positif dadah jenis methamphetamine dan kesemua mereka kini direman hingga 19 Februari ini untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Dua daripada suspek terabit didapati memiliki rekod jenayah lampau membabitkan kesalahan dadah manakala seorang lagi suspek tiada sebarang rekod," ujarnya.

Tambahnya, polis juga masih menjalankan siasatan dengan lebih terperinci dalam kes itu termasuk apa yang akan dilakukan dengan cecair berkenaan selain menghantarnya ke Jabatan Kimia,



ZAHARUDIN (tengah) menunjukkan baldi berisi syabu pada sidang akbar di IPD Muar semalam.